

TAJUK : KOORDINASI DAN GERAK BALAS DALAM MANUSIA (BAB 12)

JAWAB SEMUA SOALAN

- _____ merupakan pusat integrasi yang menganalisis impuls saraf dan mengkoordinasi suatu gerak balas yang sesuai.
A. Otak B. Otot tangan C. Saraf tunjang
- _____ adalah cara organisma bertindak selepas mengesan sesuatu rangsangan.
A. Efektor B. Gerak balas C. Rangsangan
- Nyatakan contoh rangsangan dari persekitaran luar.
A. Osmosis darah B. Suhu persekitaran C. Aras gula dalam darah
- Bahagian badan yang melakukan gerak balas dikenali sebagai _____.
A. efektor B. rangsangan C. reseptor
- Berikut merupakan contoh-contoh reseptor kecuali...
A. telinga B. mata C. otot tangan
- Pilih pasangan yang betul

	Reseptor deria	Rangsangan
A	Termoreseptor	Perubahan suhu
B	Baroreseptor	Kesakitan
C	Mekanoreseptor	Bahan kimia

- Sistem saraf manusia terbahagi kepada dua subsistem utama iaitu
A. Sistem saraf pusat & sistem saraf tunjang
B. Sistem saraf periferi & sistem saraf kranium
C. Sistem saraf pusat & sistem saraf periferi
- Sistem saraf periferi terdiri daripada pasang saraf kranium dan pasang saraf spina.
A. 12 / 12 B. 12 / 31 C. 31 / 12
- Sistem saraf pusat terdiri daripada dan
A. Otak & saraf kranium B. Otak & saraf tunjang C. Otak & saraf spina
- Struktur pada otak yang mengkoordinasi homeostasis.
A. Serebelum B. Hipotalamus C. Serebrum

Padankan jawapan yang sesuai

STRUKTUR	PENERANGAN
SEREBELUM	Mengawal tindakan luar kawal seperti pernafasan dan pencernaan makanan
KELENJAR PITUARI	Mengawal keseimbangan badan serta pengecutan otot untuk pergerakan
SEREBRUM	Mengawal keupayaan mental seperti pembelajaran dan kebolehan mengingat
MEDULA OBLONGATA	Kelenjar utama mengawal rembesan hormon oleh kelenjar endokrin yang lain.
AKAR DORSAL	Mengandungi neuron deria dan neuron motor
AKAR VENTRAL	Mengandungi akson neuron deria yang menghantar impuls dari reseptor ke saraf tunjang
GANGLION AKAR DORSAL	Mengandungi neuron motor yang menghantar impuls dari saraf tunjang ke efektor.
SARAF SPINA	Badan sel neuron deria terkumpul

😊😊😊 SELAMAT MENJAWAB 😊😊😊